

13 APR 2002

Mahathir-MCA/I

DR LING TEMUI DR MAHATHIR BERHUBUNG KEMELUT MCA

PUTRAJAYA, 13 April (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berhubung masalah dalaman parti berkenaan yang boleh memecahbelahkan parti komponen yang kedua terbesar itu dalam Barisan Nasional (BN).

Dr Ling berkata pertemuan yang bermula pada 11.30 pagi itu berlangsung selama sejam di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

"Ya, saya menemui Perdana Menteri pagi ini, ia pertemuan yang baik," kata beliau semasa dihubungi oleh Bernama. Dalam pertemuan itu Dr Ling diiringi oleh dua naib presiden parti iaitu Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn.

Bagaimanapun, beliau tidak mahu menyatakan sama ada Perdana Menteri ada menawarkan jalan penyelesaian kepada pergolakan MCA yang sudah berlarutan untuk agak lama.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN semalam berkata yang beliau akan bertemu pemimpin-pemimpin MCA untuk membantu mengatasi perbezaan pendapat antara dua puak bertelagah dalam parti itu, yang dikenali sebagai Team A dan Team B, yang masing-masing diketuai oleh Dr Ling dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Dr Mahathir juga telah berkata beliau percaya yang Dr Ling dan Lim boleh menyelesaikan masalah mereka di meja rundingan.

Puak yang diketuai oleh Lim telah mengancam untuk meneruskan dengan mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang dijadualkan pada 21 April, walaupun permintaan bagi EGM itu untuk menyelesaikan isu anggota hantu dalam senarai perwakilan semasa pemilihan parti telah ditolak oleh Setiausaha Agung parti Datuk Dr Ting Chew Peh.

Ia juga mahukan pemilihan parti ditunda sehingga senarai keanggotaan itu dibersihkan dan disahkan.

Pada Khamis Lim telah berkata beliau dan Dr Ling sebenarnya telah lama bertentangan pendapat dan berpura-pura menunjukkan perpaduan antara mereka di khalayak umum.

Dr Ling berkata Dr Mahathir telah meminta beliau supaya berusaha ke arah agenda kestabilan dalam parti dan beliau bersetuju dengan permintaan itu.

"Saya telah bersetuju dengan agenda itu dan saya memberi jaminan kepada beliau yang saya akan berusaha gigih untuk mencapai agenda itu, iaitu kestabilan parti," dan menambah kata beliau tidak boleh mendedahkan agenda itu buat masa ini.

Sementara itu, Datuk Lim Ah Lek, semasa dihubungi berkata beliau masih menunggu untuk Perdana Menteri memanggilnya bagi mengadakan pertemuan.

Beliau berkata Perdana Menteri bimbang dengan masalah yang dihadapi oleh MCA dan ini boleh difahami kerana MCA yang lemah boleh menjejaskan kekuatan BN dalam pilihan raya akan datang pada 2004.

Beliau berkata masalah dalaman MCA telah berlarutan begitu lama sehingga menyebabkan Perdana Menteri dengan terbuka terpaksa masuk campur.

"Saya rasa dengan pengalaman beliau, Perdana Menteri akan dapat menyelesaikannya betul-betul dan secara persahabatan," katanya.

-- BERNAMA

AT ZS JK PR